

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

11. Jelaskan secara terperinci tentang isi kandungan perjanjian caj parkir MBSP dan MBPP dengan syarikat swasta.
  - (a) Terangkan status perlaksanaan *Penang Smart Parking* mengikut jumlah petak serta keberkesanannya.
  - (b) Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan dalam mengurangkan jurang digital gap serta *inter-generasi gap* dalam pelaksanaan kerajaan pintar?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Perjanjian pelaksanaan projek *Penang Smart Parking* (PSP) merupakan konsesi kepada pihak syarikat HeiTech Padu Berhad (HTP) untuk membuat kutipan tempat letak kereta di bawah pentadbiran Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Kutipan tempat letak kereta terbabit melibatkan 36,000 petak tempat letak kereta iaitu 12,000 petak tempat letak kereta adalah di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala baki 24,000 petak tempat letak kereta lagi adalah di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Hasil kutipan caj parkir tersebut seterusnya akan dibahagikan mengikut nisbah 65:35 masing-masing diantara HTP dan PBT berdasarkan hasil kutipan tempat letak kereta di kawasan PBT yang berkaitan.

Kadar caj parkir yang dipersetujui bagi pelaksanaan projek PSP ini juga masih kekal menggunakan kadar lama di kedua-dua PBT seperti berikut:

<b>KAWASAN</b>	<b>SEJAM (RM)</b>	<b>SEHARI (RM)</b>	<b>PAS BULANAN (RM)</b>
MBPP	0.80	6.00	150.00
MBSP	0.40	3.00	75.00

Selain itu, bagi tahun 2020 pihak MBSP memberikan diskaun sebanyak RM15.00 bagi pengguna yang memilih pas bulanan menjadikan bayaran tersebut hanyalah RM60.00 sebulan.

- (a) Setakat ini, pemasangan sensor bagi pelaksanaan PSP Fasa 1 yang melibatkan 1,000 petak tempat letak kereta telahpun selesai. Pelaksanaan Fasa 2 pula telah bermula pada bulan Januari 2020 melibatkan pemasangan sensor di 35,000 petak tempat letak kereta dan dijadualkan siap pada hujung bulan Julai 2020. Walau bagaimanapun disebabkan oleh wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020, pihak HTP belum dapat membuat sebarang pemasangan bagi baki sensor tersebut.
- (b) Kerajaan Negeri menyedari kewujudan jurang digital serta jurang antara generasi dalam pelaksanaan Negeri Pintar khususnya *Penang Smart Parking*. Oleh yang demikian, beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi isu tersebut seperti berikut:-
  - (i) Menyediakan tiket letak kereta secara e-kupon yang boleh dibeli daripada ejen-ejen yang dilantik untuk memudahkan pengguna yang tidak mempunyai telefon pintar. Setakat ini 235 ejen e-kupon di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dilantik dengan 198 ejen di kawasan Pulau manakala 37 ejen e-kupon pula di kawasan Seberang Perai.
  - (ii) Mendekati golongan warga emas dengan menjalankan program dan aktiviti sosial di tempat yang kerap dikunjungi warga emas seperti pasar

awam, pasar malam, pusat membeli belah dan program-program masyarakat anjuran ADUN-ADUN kawasan.

- (iii) Menyediakan kaunter pertanyaan *walk-in* berkenaan PSP pada setiap hari Khamis di kedua PBT bagi membantu warga emas dan pengguna lain yang mempunyai pertanyaan tentang penggunaan PSP.
- (iv) Warga emas yang tidak mempunyai telefon pintar juga boleh meminta bantuan anak-anak atau saudara-mara mereka untuk membeli atau menambah nilai tiket letak kereta.
- (v) Mengedarkan borang kaji selidik bagi mengetahui permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh golongan warga emas dalam penggunaan PSP dan menambahbaik fungsi PSP dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan memberikan kemudahan kepada semua pihak.

Selain itu, untuk mengurangkan jurang digital di antara kawasan dalam negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti keperluan untuk menambahkan jaringan telekomunikasi serta jalur lebar di negeri ini melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi termasuk penyediaan perkhidmatan liputan 5G melalui *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP).